

# China bukan ancaman: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta masyarakat antarabangsa memandang China sebagai negara yang penuh dengan peluang, bukan mendatangkan ancaman.

Menurut Perdana Menteri, anggapan bahawa China adalah ancaman sehingga peraturan keselamatan negara dibentuk bagi menghadapinya bukan saja satu pendekatan yang salah, malah buruk dan berbahaya.

"Setiap hari kita diberi tahu China adalah ancaman kerana cita-cita peluasan hegemoni dan wilayahnya. Begitu juga China sebagai ancaman ketenteraan dan politik.

"Bagaimana China sebagai ancaman ekonomi? Sekali lagi perubahan akan berlaku. Tetapi saya melihat China bukan sebagai ancaman ekonomi tetapi peluang ekonomi.

"Pada asasnya, kita perlu menilai semula tanggapan kita terhadap apa yang disebut sebagai ancaman China itu," katanya ketika menyampaikan ucapan utama di forum antarabangsa mengenai Malaysia dan China, di sini, hari ini.

Forum dua hari bertemakan Malaysia dan China dalam Abad ke-21; Kemakmuran Menerusi Kerjasama itu dianjurkan bersama oleh Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) dan

Institut Pembangunan Ekonomi Shanghai.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Asli, Mirzan Mahathir dan Pengarah Zon Ekonomi Shanghai, Wang Dao Han.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menolak anggapan China sebagai ancaman ketenteraan dan politik, sebaliknya rakan dalam mewujudkan keamanan serta kemakmuran serantau.

Walaupun masa depan pasti berubah, katanya, Malaysia yakin China mempunyai iltizam ke arah mengekalkan suasana serantau yang aman dan selamat serta berguna untuk kepentingan politik dan ekonomi.

Beliau berkata, kedua-dua negara juga percaya keamanan adalah prasyarat ke arah kemajuan dalaman sesebuah negara dan keyakinan itu tidak akan berubah pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, kehadiran Amerika Syarikat yang terhad di rantau ini juga dilihat sebagai menggalakkan China serta beberapa kuasa serantau menguasai rantau ini.

"Akhirnya, sesetengah pihak menganggap ancaman China itu akan menyebabkannya mengertai pertentangan dengan Barat dalam pembangunan tamadun.

"Bagaimanapun, hari ini tidak ada pihak yang secara serius melihat

LIHAT MUKA 2

## Belanja tentera Beijing naik

DARI MUKA 1

China mengeksport ideologi komunis dan dengan itu ancaman ideologi subversif dan pertukaran menyeluruh boleh dihentikan," katanya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan buku tahunan terbitan badan kajian dasar Sweden, belanja pertahanan China meningkat kepada AS\$6.3 bilion (RM15.9 bilion) tahun lalu berbanding AS\$5.9 bilion (RM14.9 bilion) pada 1985, yang mencatat kenaikan 7.07 peratus.

Mengenai cita-cita peluasan hegemoni, Dr Mahathir berkata kuasa besar tidak boleh mengelak daripada mewujudkan bayang-bayang besar terhadap negara jirannya.

"Setakat mana terang atau gelapnya bayang-bayang itu bergantung bukan saja kepada kuasa berkenaan tetapi juga negara yang dibayangi," katanya.